

14/06/1999

ASN2 mampu sokong pertumbuhan ekonomi

PELANCARAN Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB) dilihat ahli ekonomi dan penganalisis sebagai berupaya menyokong pertumbuhan industri saham amanah tempatan.

Prof Madya di Jabatan Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Fauzias Mat Nor, berkata pelancaran ASN2 mampu memberi peluang kepada pelabur untuk membuat pilihan bijak untuk melabur.

Selain menceritakan perkembangan industri saham amanah tempatan, katanya, pelancaran ASN2 juga mampu meningkatkan kegiatan tabungan individu serta mempelbagaikan unit saham amanah.

"Saya yakin sebagai sebuah institusi pelaburan dan pengurus dana amanah terbesar tempatan, PNB membuktikan komitmennya dalam usaha meningkatkan tabungan Bumiputera," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, pelaburan dalam saham amanah turut menjadi faktor penyumbang kepada hala tuju ekonomi masyarakat Bumiputera kerana ia secara tidak langsung membantu meningkatkan nilai tabungan sedia ada.

Rabu lalu, PNB melancarkan saham amanah kelimanya, ASN2 dengan saiz dana berjumlah 2.5 bilion unit yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menerusi ASN2, pelabur disyaratkan melabur minimum 1,000 unit saham bernilai RM1 sesaham dan terbuka kepada Bumiputera berumur 18 tahun ke atas. Bagaimanapun mereka boleh melabur sehingga maksimum 500,000 unit.

Dalam pada itu, pelabur yang memiliki setiap 1,000 unit ASN2 turut menerima tambahan 20 unit saham secara percuma dan akan dikreditkan ke dalam akaun pada hari mereka melabur.

Selain ASN2, PNB kini menguruskan empat dana saham amanah iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) dan Amanah Harta Tanah PNB.

Sementara itu, seorang penyelidik di firma broker saham tempatan, berkata usaha berkenaan adalah satu langkah baik bagi meningkatkan pertumbuhan industri tabung amanah.

Katanya, sumbangan ASN2 dalam membangunkan industri saham amanah juga penting bagi memperluaskan pasaran di samping mengimbangi kadar pembentukan modal di pasaran.

(END)